

BAB

TIGA

BAB TIGA

KEWUJUDAN ANDALUS SEBAGAI PUSAT PENGALIRAN ILMU DARI TAMADUN ISLAM KE EROPAH DAN FAKTOR-FAKTOR YANG MEMBAWA KEPADA KEADAAN TERSEBUT

3.1 Pengenalan

Kewujudan Andalus sebagai pusat pengaliran ilmu dari tamadun Islam ke Eropah pada abad ke 10 M sehingga abad 13 M bermula dengan kedatangan para sarjana Barat ke Andalus pada zaman tersebut. Fenomena pengaliran ilmu ini berlaku kerana kedatangan para sarjana Eropah ke Andalus bukan sekadar mempelajari dan mendapatkan ilmu pengetahuan, tetapi dengan tujuan membawa balik ilmu tersebut ke negara asal mereka. Kewujudan berbagai-bagai bidang ilmu pengetahuan dalam bentuk karya asal dan terjemahan oleh sarjana Islam di pusat-pusat pengajian tinggi di Kota Cordova, Toledo, Seville, Almeria, Granada, Malaga dan Dervia membolehkan para sarjana Barat mendapatkan ilmu pengetahuan dengan mudah dan berkesan. Selain itu, sokongan dan galakan daripada pemerintah Islam seperti Abdul Rahman III dan Al-Hakam II terhadap perkembangan dan penyebaran ilmu pengetahuan ini menyemarakkan lagi peranan Andalus sebagai pusat kegiatan keilmuan sekaligus sebagai pusat pengaliran ilmu.

Peranan Andalus sebagai pusat pengaliran ilmu dari tamadun Islam ke Eropah pada Zaman Pertengahan jelas terbukti apabila hampir keseluruhan ilmu pengetahuan

yang terdapat di Andalus tersebar ke seluruh Eropah melalui perantaraan sarjana Barat. Justeru, untuk mengetahui dengan lebih lanjut bagaimana Andalus boleh muncul sebagai pusat pengaliran ilmu, melalui bab ini penulis akan menghuraikan dengan mendalam beberapa faktor yang membawa kepada keadaan tersebut.

3.2 Faktor Andalus Sebagai Pusat Pertembungan Di Antara Tamadun Islam Dan Tamadun Barat

Antara salah satu faktor paling penting yang membawa kepada kemunculan Andalus sebagai pusat pengaliran ilmu dari tamadun Islam ke Eropah adalah faktor Andalus itu sendiri yang pernah menjadi pusat pertembungan di antara tamadun Islam dan tamadun Barat .

Sejak zaman dahulu lagi, telah wujud beberapa buah tamadun terkenal di dunia seperti tamadun Babylon di Mesopotamia, Iraq, tamadun Yunani, tamadun Rom, tamadun India, tamadun China dan tamadun Islam. Kemunculan tamadun-tamadun ini membuktikan bahawa kehidupan dan pemikiran masyarakat dunia pada zaman dahulu begitu maju dan kemungkinan besar telah wujud hubungan atau interaksi di antara tamadun-tamadun tersebut. Penulis akan memfokuskan interaksi yang berlaku kepada tamadun Islam.

Pertembungan atau interaksi di antara tamadun Islam dengan tamadun-tamadun dunia ini dikatakan berlaku sejak zaman awal Islam lagi. Pada zaman peluasan pengaruh Islam di Iraq, Syria dan Mesir di sepanjang pemerintahan Khulafa' al-Rasyidin, masyarakat Islam telah bertemu dan berinteraksi dengan pelbagai

tamadun di kawasan yang diduduki oleh mereka . Misalnya di Iraq, masyarakat Islam bertembung dengan tamadun Babylon dan Parsi, di Syria dan Mesir bertembung dengan tamadun Yunani dan Romawi. Kemudiannya, tamadun Islam bertembung pula dengan tamadun India dan China apabila pengaruh Islam semakin meluas pada zaman kerajaan Bani Umaiyyah dan Abbasiah.

Walau bagaimanapun, pertembungan yang paling meluas berlaku adalah di antara tamadun Islam dengan tamadun Eropah sewaktu orang Islam memerintah Andalus dan Sicily. Hal ini turut diakui oleh Spuler Bertold. Beliau menyatakan bahawa;

During this epoch, moreover Spain was the chief center of intellectual exchange between the medieval Christian and the oriental civilizations-the meeting place of two worlds (Spuler Bertold, 1960: 101).

Hubungan antara tamadun Islam dan tamadun Eropah bermula setelah kemasukan orang Islam ke Andalus pada tahun 711 M. Pada asasnya, kemunculan pemerintahan Islam di kawasan Afrika Utara (kini dikenali sebagai Libya, Algeria, Maghribi dan Tunisia) inilah yang membolehkan orang Islam terus mara ke kawasan Eropah. Kedua-dua kawasan Afrika Utara dengan Eropah ini hanya dipisahkan oleh Laut Mediterranean. Melalui Laut Mediterranean inilah maka orang Islam yang berada di Afrika Utara telah berjaya sampai ke Andalus dan Sicily dan seterusnya ke Portugal dan selatan Perancis.

Andalus dan Sicily dianggap sebagai ‘jambatan’ yang menghubungkan tamadun Islam dan Eropah kerana di sinilah berlakunya pertembungan kebudayaan

dan intelektual antara orang Islam dengan seluruh masyarakat Eropah (Wan Abdul Rahman Latif, 2001: 71-72). Haidar Bammate telah memetik kata-kata seorang sarjana Perancis iaitu Fauriel yang berbunyi seperti berikut;

Land and sea traffic between East and West was already flourishing well before the XIth century. It was through Spain, Sicily and the South of France, which were under direct Saracen rule, that Islamic civilization entered into Europe (Haidar Bammate, 1981: 16).

Kenyataan di atas jelas membuktikan Andalus sebagai medan utama interaksi dan pertembungan di antara dua buah tamadun terbesar di dunia yang diwakili oleh orang-orang Islam dan orang-orang Kristian Eropah.

3.2.1 Kedudukan Andalus

Sebenarnya terdapat banyak faktor yang menjadikan Andalus sebagai pusat pertembungan di antara tamadun Islam dan tamadun Eropah sekaligus sebagai pusat pengaliran ilmu dari tamadun Islam ke Eropah. Salah satunya adalah kerana kedudukan geografi Andalus itu sendiri. Andalus adalah satu-satunya wilayah pemerintahan Islam yang terletak di wilayah Barat.

Andalus terletak di sebelah Barat Daya benua Eropah dan bersebelahan dengan negara Perancis yang dihubungkan oleh Banjaran Pyrennes dan begitu hampir dengan Benua Afrika yang dipisahkan oleh Laut Mediterranean. Andalus bersempadan dengan Lautan Atlantik yang terletak di sebelah Barat dan Utara serta dikelilingi oleh Laut Mediterranean atau Selat Gibraltar di sebelah Timur dan Selatannya (Robiah

Ismail, 1987: 2). Kedudukannya yang strategik ini telah memudahkan kemasukan pendatang-pendatang dari seluruh pelusuk Eropah dan juga dari sebelah Timur. Anwar G. Chejne menyatakan bahawa;

For many centuries, the interaction of peoples and ideas remained unhindered throughout the Mediterranean basin, in spite of the political animosity among the Muslims themselves and between Muslims and Christians. The individual had freedom of movement even in time of war, and there is no indication that he needed a passport to go from one country to another. Travel was by land and by sea, and the traveler followed certain routes, having at his disposal travel guides known under the rubric al-masalik wa-l-mamalik (roads and countries) (Anwar G.Chejne, 1974: 150).

3.2.2 Andalus Sebagai Pusat Pertemuan Berbagai-bagai Bangsa Dan Kebudayaan

Sebelum kedatangan Islam lagi, Andalus telah menjadi tumpuan kuasa-kuasa besar termasuklah kemasukan orang-orang Rom, Suevi, Vandal, Visigoth dan lain-lain lagi. Selepas kedatangan Islam, Andalus terus muncul sebagai pusat pertemuan berbagai-bagai bangsa dan kebudayaan. Anwar G. Chejne mengatakan bahawa;

Al-Andalus was a melting pot of peoples and ideas which went through various stages of cultural development. At first, it depended slavishly on the East for religious, linguistic, and cultural guidance and inspiration. It then acquired consciousness of itself and of its merit vis-à-vis the rest of the Muslim world (Anwar G.Chejne, 1974: 161).

Hal ini amat jelas kerana masyarakat Andalus ialah masyarakat majmuk yang terdiri daripada komuniti-komuniti Arab (Utara dan Selatan), *Al-Muwalladun* (orang-orang Andalus yang memeluk Islam), orang Barbar (umat Islam yang berasal dari Afrika Utara), *Al-Shaqalibah* (penduduk daerah antara Konstantinople dan Bulgaria yang menjadi tawanan Jerman dan dijual kepada pemerintah Islam untuk

dijadikan tentera upahan), orang Yahudi, Kristian Mozarab yang mengamalkan budaya Arab dan orang Kristian yang masih menentang kehadiran Islam.

Hampir keseluruhan masyarakat di Andalus (kecuali orang Kristian yang memusuhi Islam) melibatkan diri dalam kegiatan keilmuan sehingga Andalus telah muncul sebagai pusat kegiatan keilmuan yang unggul di benua Eropah (Badri Yatim, 2000: 100). Menurut C.W.Previte-Orton;

The brilliant Saracenic civilization of Moslem Spain rendered the Moors, even during their political decline under the Reyes de Taifas, the most cultured people of the West. They were a complex of varied races, tribes, and classes, which were usually at discord, but in which each contributed something to the intellectual and material prosperity of Andalusia (C.W.Previte-Orton, 1953: 377).

Pada zaman pemerintahannya, Khalifah Abd Rahman III telah berjaya menyatukan bangsa Arab, Barbar dan *Muwalladun* dalam satu kelompok masyarakat yang begitu kompleks. Bagi mengelakkan berlakunya sebarang perbalahan di antara kelompok masyarakat tersebut. Khalifah telah mengimport hamba kulit putih dari Eropah yang dikenali sebagai *Al-Shaqalibah* sebagai pengawal keamanan. Golongan *Shaqalibah* ini berjumlah di antara 3,750 sehingga 13,750 orang. Tidak lama kemudian, golongan ini mula menjawat jawatan yang agak penting dalam kerajaan dan mengamalkan agama, bahasa dan adat budaya pemerintah Islam.

Golongan *Shaqalibah* ini menjadi semakin berpengaruh dan pada abad ke 11 M, mereka telah berjaya mengukuhkan kedudukan di beberapa buah bandar di timur Andalus seperti Tortosa, Valencia, Denia dan Almeria. Mereka terus mengekalkan budaya tradisi Khalifah yang sangat cintakan ilmu pengetahuan, membiayai bidang

pendidikan dan membina banyak bangunan cantik seperti yang terdapat di Kordova. Salah seorang daripada mereka yang terkenal ialah Mujahid iaitu pemerintah Denia yang begitu cemerlang dalam kesusasteraan Arab (Vryonis Jr. Speros, 1975: 73).

Hal ini jelas menunjukkan bahawa pemerintah Islam di Andalus bijak dalam menjaga kestabilan dan keharmonian negara dengan mengamalkan dasar sama rata kepada rakyatnya dan memberi peluang kepada sesiapa sahaja yang layak untuk membaiki taraf kehidupan sekalipun kepada mereka yang berasal daripada golongan hamba.

Berdasarkan kepada kebijaksanaan Khalifah Abdul Rahman III menyatukan seluruh masyarakat Andalus inilah maka Reynold A. Nicholson menyimpulkan bahawa;

In short, Abdul Rahman III made the Spanish Moslems one people, and formed out of Arabs and Spaniards a united Andalusian nation, which , as we shall presently see, advanced with incredible swiftness to a height of culture that was the envy of Europe and was not exceeded by any contemporary State in the Muhammadan East (Reynold A. Nicholson, 1950: 412).

Khalifah Abdul Rahman III juga mengambil berat tentang penduduk Kristian dan Yahudi. Kedua-dua golongan ini dilayan dengan penuh tolak ansur, diberi kebebasan mengadakan pertubuhan dan undang-undang sendiri serta diberi hak yang sama yang sepatutnya dimiliki oleh mereka. Perkara ini turut dijelaskan oleh Harold Livermore dalam penulisannya berkaitan sejarah negara Sepanyol. Menurut beliau;

Islam did however provide for the autonomous co-existence of the three 'peoples of the Book', and allowed both Christian and Jews to preserve their own communal organization and apply their own law. Each community was required to acknowledge a responsible head and to provide a tax-gatherer: in the case of the subject Christians or Mozarabs, the head of the community in Cordoba was regarded as the 'count of the Christians', who spoke in general for all his co-religionists (Harold Livermore, 1958: 74).

Hal ini turut diakui oleh seorang sarjana Islam iaitu Khan Bahadur Ahsanullah yang menyatakan bahawa;

Abdul Rahman III was a most efficient administrator. Under his rule both Muslims and Christians lived on terms of amity and cordiality. Each community respected the other for its courage, generosity and heroism; difference of religious faith did not stand in the way of their mutual respect and good will (Khan Bahadur Ahsanullah, 1931: 409).

3.2.3 Kebebasan Beragama Di Andalus

Masyarakat Andalus dikatakan hidup dalam keadaan aman dan sejahtera kerana pemerintah Islam mengamalkan toleransi beragama terutamanya kepada pengikut agama Kristian dan Yahudi. Spuler Bertold menyatakan bahawa;

The interchange of ideas which took place in Spain between the ruling Muslim Arabs and Berbers and the subject Christian Spaniard or Portuguese and Jews had a character of its own. In this particular conquered land, Islam did not come in the course of the Middle Ages to prevail as the religion of the majority; here (and in Sicily) alone, the great mass of the subject people remained loyal to the Christian faith and were able to keep intact their native culture and language (Spuler Bertold, 1960: 102).

Bagi orang-orang Kristian dan Yahudi disediakan hakim khusus (ketua paderi) untuk menangani masalah-masalah yang berkaitan dengan agama masing-masing. Walau bagaimanapun , jika sesuatu kes itu melibatkan orang Islam, kes itu akan

dibicarakan di mahkamah orang Islam. Orang Kristian dan Yahudi ini tidak dipaksa memeluk agama Islam, mengamalkan undang-undang dan adat Islam tetapi mereka dikenakan bayaran jizyah (kepada golongan yang mampu sahaja). *Ahl al-dhimmah* (Yahudi dan Kristian) juga bebas bergerak dalam melaksanakan sebarang atur cara yang berkaitan agama mereka dan orang Islam tidak dibenarkan masuk campur (Sheikh Mohammad Iqbal, 1977: 157).

Orang Kristian juga dibenarkan membaiki gereja yang lama serta membina gereja yang baru, membunyikan loceng gereja, mengadakan upacara-upacara ritual, menyanyikan lagu agama beramai-ramai, berkhutbah di hadapan orang ramai dan mengadakan perayaan di gereja mereka (T.W. Arnold, 1961: 137). Selain itu, mereka juga dibenarkan membunyikan trumpet seiring dengan laungan azan seperti yang berlaku di Kota Kordova. Terdapat juga di kalangan orang-orang Kristian yang telah memeluk Islam dan menukar nama mereka mengikut nama panggilan Arab seperti banu, bani atau ‘sons of’ (Sir Thomas Arnold dan Alfred Guillaume, 1931: 6).

Manakala bagi orang Islam pula, pada peringkat awal kedatangan Islam (*al-wulat*), orang Islam menganut mazhab *al-Auza* ‘i iaitu mazhab bagi kebanyakan orang Arab (*ahl Syam*) yang mula-mula memasuki Andalus. Kemudiannya, pada zaman pemerintahan Abd Rahman I, mazhab Maliki mula diperkenalkan dan diamalkan oleh orang Islam. Mazhab Maliki terus berkembang sebagai satu anutan rasmi negara dan masyarakat Islam Andalus tidak dibenarkan mengamalkan mazhab-mazhab yang lain. Menurut P.E. Russell;

The Maliki law -school was introduced into al-Andalus at the end of the eight century, and provided a basis of legislative theory and practice for the ruler, who was

the supreme judge. The flexibility and orthodoxy of the Maliki interpretation of Islamic law accounted for its popularity in al-Andalus, whose local traditions, thanks to it, could be legitimately incorporated into the corpus of law (P.E. Russell, 1973: 46).

3.2.4 Penggunaan Bahasa Arab Sebagai Bahasa Utama

Faktor lain yang menjadikan masyarakat Andalus hidup bersatu padu adalah kerana mereka mengamalkan penggunaan bahasa yang sama iaitu bahasa Arab. Kemasukan Islam ke Andalus secara tidak langsung menyebabkan berkembangnya bahasa Arab di kalangan masyarakat tersebut. Hal ini berlaku kerana kaitan dan hubungan yang rapat antara agama Islam dan bahasa Arab itu sendiri. Seiring dengan penyebaran agama Islam, bahasa Arab turut tersebar luas dan telah dapat menggantikan bahasa Latin yang digunakan sebelumnya. Agama Islam telah menjadi agama rasmi negara menggantikan agama Kristian, begitu juga bahasa Arab turut menjadi bahasa rasmi bagi masyarakat di sini.

Bahasa Arab dikatakan berkembang begitu cepat bukan sahaja di kalangan orang-orang Islam malah turut dipelajari dan dihayati oleh semua golongan masyarakat di Andalus. Sebenarnya terdapat beberapa faktor yang menarik minat dan mendorong masyarakat Andalus mempelajari serta menguasai bahasa Arab ini, antaranya yang pertama ialah bahasa Arab merupakan bahasa ilmu pengetahuan dan tamadun pada masa itu. Kedua, bahasa Arab ialah bahasa rasmi negara dan digunakan dalam segala urusan pentadbiran negara, jadi dengan menguasai bahasa ini maka mereka berpeluang menjawat jawatan-jawatan dalam negara dan dapat berhubung secara langsung dengan pemerintah-pemerintah yang kebanyakannya terdiri daripada

orang-orang Arab. Ketiga, bahasa Arab ialah bahasa agama kerana mempunyai kaitan yang rapat dengan al-Quran, hadis dan tradisi lmu Islam. Jadi, atas dorongan inilah maka seluruh penduduk Andalus fasih dan mahir berbahasa Arab kerana keperluan dan kepentingan penggunaan dan penguasaan bahasa tersebut (Osman Haji Khalid, 1987: 376). Penulis memetik kata-kata seorang sarjana Inggeris yang berbunyi seperti berikut;

All talented young Christians read and study with enthusiasm the Arab books; they gather immense libraries at great expense; They despise the Christian Literature as unworthy of attention. They have forgotten their language. For every one who can write a letter in Latin to a friend, there are a thousand who can express themselves in Arabic with elegance, and write better poems in this language than the Arabs themselves (Sir Richard Southern, 1961: 21).

Bermula daripada generasi ketiga dan keempat selepas kedatangan Islam , kebanyakan masyarakat Andalus (orang Islam dan penduduk asal Kristian) adalah bilingual. Selain bahasa Arab, mereka juga menggunakan bahasa Roman, yang juga digunakan oleh orang Mozarab iaitu orang-orang Kristian yang tinggal di bawah pemerintahan Islam. Umumnya, terdapat empat bahasa yang digunakan oleh masyarakat Islam Andalus, pertama ialah bahasa Arab klasik yang digunakan oleh para sarjana dalam bidang kesusasteraan, kedua, bahasa Arab basahan yang digunakan dalam pentadbiran dan urusan kerajaan, ketiga, bahasa Latin eklesiastikal atau bahasa ritual digunakan oleh orang Mozarabik Kristian untuk upacara keagamaan dan keempat, dialek Roman yang berasal daripada bahasa Latin yang lemah tetapi telah bertukar menjadi bahasa Sepanyol atau Romance Castellano. Bahasa Sepanyol adalah salah satu bahasa antarabangsa dunia selain bahasa Inggeris dan bahasa Arab (J.B. Trend, 1944: 35).

3.2.5 Perkahwinan Campur

Selain itu, perkahwinan campur antara orang Islam dan bukan Islam juga dianggap sebagai salah satu sebab masyarakat Andalus boleh hidup dalam suasana yang aman dan harmoni. Jelas bahawa penduduk asal menerima dengan baik kehadiran orang-orang Islam di tanah air mereka. Berkaitan dengan perkara ini, T.W Arnold menyifatkan bahawa;

The toleration of the Muhammadan government towards its Christian subjects in Spain and the freedom of intercourse between the adherents of the two religions brought about a certain amount of assimilation in the two communities. Intermarriages became frequent (T.W Arnold, 1961: 138).

Sir Thomas Arnold dan Alfred Guillaume menyatakan bahawa terdapat banyak perkahwinan campur antara orang Kristian dengan orang Islam. Sebagai contoh, anak Musa bin Nusayr sendiri dan beberapa orang ketua panglima Islam telah berkahwin dengan ahli keluarga Witiza, iaitu pemerintah terakhir kerajaan Visigoth (Sir Thomas Arnold dan Alfred Guillaume, 1931: 6). Abdul Aziz ibnu Musa telah mengahwini puteri Egilona bekas janda Raja Roderick atau dikenali sebagai Ummu Asim oleh orang-orang Arab (Harun Aminurrashid, 1965: 197). Puteri Egilona tinggal di satu sudut di istana yang dikenali sebagai ‘*harem*’ bersama-sama sekumpulan orang tawanan atau hamba Kristian seperti Sultana Aurora dan Romaiquia.

Perkahwinan campur di kalangan pemerintah Islam dengan wanita Barbar, Iberia dan Visigoth terus kekal berlaku sehingga melahirkan satu generasi yang hampir tidak menyerupai langsung orang Arab dan tidak pula seperti penduduk asal

Andalus. Kebanyakan Khalifah berkulit kemerah-merahan atau cerah dan bermata biru, yang menjadi bukti mereka adalah pengaruh daripada darah Barbar atau Visigoth. Walau bagaimanapun, ada antara mereka yang sanggup mewarnakan diri dengan warna gelap sebagai satu cara untuk mempertahan dan mengekalkan diri mereka sebagai keturunan Arab (Louis Bertrand dan Sir Charles Petrie Bt, 1934: 48-49).

Ketika Andalus mula dikuasai semula oleh orang Kristian, hubungan antara orang Kristian dan orang Islam dikatakan agak baik kerana berlaku perkahwinan campur antara kedua-dua belah pihak tersebut. Perkahwinan pertama yang berlaku adalah antara anak perempuan ketua pemimpin Islam di Aragon iaitu Muza dengan Raja Garcia (Altamira Rafael, 1949: 133).

Keterangan di atas jelas menunjukkan bahawa kewujudan masyarakat yang berbilang bangsa dan agama di Andalus sedikitpun tidak menghalang Andalus lahir sebagai pusat tamadun Islam yang terunggul di benua Eropah pada zaman tersebut. Menurut Anwar G. Chejne;

However great the diversity, al-Andalus enjoyed a unity in its midst derived from a culture, the Arabic language, and to a small degree the Islamic religion. These three elements kept Muslim polity much alive and contributed to preserving a unity that transcended social stresses, economic crises, military failures, and political vicissitudes (Anwar G.Chejne, 1974 : 148).

3.2.6 Kemasukan Para Sarjana Luar Ke Universiti-Universiti Di Andalus

Keunggulan Universiti Kordova sebagai pusat pendidikan yang terbaik di

Eropah telah menarik perhatian para pelajar dan sarjana dari seluruh dunia datang ke universiti ini untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Amir Hasan Siddiqi mengatakan bahawa;

In the tenth century A.C. when Cordova (the Umayyad capital of Spain) began to rival Baghdad, the tide of the flow of culture and learning was turned. During the subsequent centuries increasingly more students from the Muslim East and the Christian Europe flocked at the Universities of Cordova, Toledo, Granada and Seville to drink deep from the wells of learning that flowed there in abundance (Amir Hasan Siddiqi, 1967: 56).

Hal ini turut diakui oleh A.Rahim;

The University of Cordova was the meeting place of the scholars and students of all classes and every branch of knowledge was studied and additions were made by new discoveries (A.Rahim, 1960: 324).

Universiti dan akademi pengajian tinggi juga terdapat di beberapa buah bandar besar seperti Seville, Almeria, Badajoz, Granada, Toledo, Valencia, Malaga dan Dervia. Bandar-bandar ini juga muncul sebagai pusat pembelajaran terpenting pada Zaman Pertengahan. Para pelajarnya datang dari serata tempat di Andalus dan juga dari luar untuk mendapatkan bantuan serta galakan raja-raja (Anwar G.Chejne, 1974: 164).

Kehadiran para sarjana Eropah di universiti-universiti Andalus bukan sekadar mendapatkan ilmu pengetahuan dan bertukar-tukar fikiran sesama mereka, tetapi yang lebih penting ialah mempelajari dan menguasai bahasa Arab supaya mereka dapat menterjemah karya-karya saintifik Islam kepada bahasa- bahasa Eropah yang lain.

Bermula daripada aktiviti penterjemahan inilah sedikit demi sedikit ilmu pengetahuan Islam dikuasai dan dibawa pulang ke negara asal mereka. Menurut Spuler Bertold;

It was above all in Spain, and especially at the University of Granada and the City of Saragossa (Christian after 1230), that recensions and Latin translations were made of Arabic works on the natural sciences and of Greek scientific works taken over by the Arabs, thus providing the Christian Occident with its first perceptions of Arabic thought and an enhanced insight into the erudition of antiquity (Spuler Bertold, 1960: 105).

3.3 Faktor Hubungan Diplomatik Di Antara Andalus Dengan Negara - Negara Luar

Bagi mengekalkan keamanan dalam negara agar tidak dicerobohi oleh manama kuasa asing, maka para pemerintah Islam Andalus telah mengambil tindakan menjalin hubungan diplomatik dengan negara-negara luar. Hubungan diplomatik atau perjanjian damai untuk tujuan keselamatan yang pertama telah bermula sejak zaman pemerintahan Khalifah Abd Rahman I lagi. Pada tahun 759 M, Khalifah Abd Rahman I telah mengadakan hubungan perdamaian dengan seorang Raja Kristian dari sebelah Utara yang bertempat di Kordova. Walau bagaimanapun, nama Raja Kristian tersebut tidak dapat diketahui.

Kemudiannya, perhubungan diplomatik ini telah diteruskan oleh Khalifah Abdul Rahman II (822-852 M). Pada tahun 840 M, beliau telah menerima utusan Theophilus dari kerajaan Konstantinople (S.P. Scott 1904, vol 1: 478). Perutusan daripada Theophilus telah membawa bersama-sama mereka hadiah yang bernilai ke istana Abd Rahman II di Kordova. Seperti Abd Rahman II, Theophilus bakal

pengganti Maharaja Michael juga tidak mempunyai hubungan yang baik dengan Al-Mu'tasim di Baghdad. Theophilus pernah menolong kerajaan Umayyah menentang kerajaan Abbasiah di Baghdad. Oleh sebab Abd Rahman II terlalu sibuk dengan tekanan dalam negara dan masalah sempadan, maka beliau tidak mampu untuk merampas kembali negara yang pernah menjadi tempat tinggal nenek moyangnya. Walau bagaimanapun, Abd Rahman II membala jasa baik Theophilus dengan menghantar satu rombongan kedutaan ke Konstantinople di bawah pimpinan Yahya bin Hakam Al-Ghazali (864 M) (Imamuddin S.M, 1961: 66; S.P. Scott, 1904, vol 1: 479).

Selain itu, Khalifah Abd Rahman II juga mengadakan hubungan baik dengan kerajaan Navarre. Kerajaan kecil Navarre yang terletak di bawah kekuasaan Empayar Perancis telah mengisytiharkan kemerdekaan dan dalam usaha mencari negara sekutunya, maka satu utusan diplomatik telah dihantar ke Kordova. Akhirnya, satu persetujuan telah dicapai oleh kedua-dua belah pihak dengan syarat bahawa kerajaan Islam Andalus akan melindungi Navarre daripada sebarang pencerobohan asing dan sebaliknya kerajaan Navarre akan menolong orang Islam menyeberangi pergunungan Pyrennes untuk menawan Perancis (Imamuddin S.M, 1961: 66; S.P. Scott, 1904, vol 1: 479-480).

Bermula dari zaman pemerintahan Muhammad I (852- 886 M) sehingga ke Abd Allah (886- 888 M), kerajaan Islam Andalus berada dalam ketidakstabilan politik dan keadaan ini menyebabkan pemerintah-pemerintah tersebut tidak mampu mengadakan hubungan diplomatik dengan negara-negara luar. Walau bagaimanapun,

keadaan ini berubah semasa zaman pemerintahan Khalifah Abdul Rahman III (912-961 M). Muhammad Abdullah Enan menyatakan bahawa;

The diplomacy of Muslim Spain played a great role on account of its position on land and sea at the doors of Christian Europe, and of its regular commercial and political relations with most of the Christian States. Diplomatic relations between Islam and the great Christians States reached their zenith in the time of Abd Rahman al-Nasir, when their deputations and embassies arrived in succession in Andalusia (Muhammad Abdullah Enan, 1940: 175).

Khalifah Abd Rahman III bukan sahaja berjaya mengekalkan keamanan dan pemerintahan di dalam negara tetapi juga pemerintahannya itu dihormati dan dikagumi oleh pihak luar. Beliau telah mengadakan hubungan diplomatik dengan negara jiran dan juga negara-negara jauh. Pada tahun 947-8 M, Abd Rahman III telah menerima delegasi daripada Maharaja Konstantin dari Greek di istana Al-Zahra. Khalifah Abdul Rahman III telah melantik Mundhir ibn Sa ‘id sebagai pengurus dalam rundingan yang dijalankan. Mundhir telah melaksanakan tanggungjawabnya dengan memberikan satu ucapan yang begitu hebat dalam majlis tersebut. Sebagai balasan atas jasa beliau itu, Khalifah Abdul Rahman telah melantiknya sebagai qadi di Kordova (Imamuddin S.M, 1961: 100).

Persaingan dengan kerajaan Fatimid dan Abbasiyah telah mendorong Abd Rahman III memulakan hubungan diplomatik dengan Maharaja Byzantine iaitu Constantine VIII Porphyrogenitus. Kebetulan pada masa yang sama Empayar Byzantine adalah musuh tradisi bagi kedua-dua Khalifah di Timur. Menurut Ibn Hayyan, Maharaja Konstantinople telah menghantar utusan diplomatik ke istana Abdul Rahman III di Kordova pada bulan September 949 M. Sebulan kemudiannya perwakilan Abd Rahman III telah sampai ke Konstantinople dan di sini mereka telah

bertemu dengan Liutprand of Cremona iaitu wakil bagi Raja Itali. Perwakilan ini telah bersetuju untuk terus mengadakan hubungan diplomatik sehingga akhir abad ke 10 M (Joseph F.O' Callaghan, 1975: 119).

Beberapa tahun kemudiannya, Khalifah Abdul Rahman III sekali lagi telah menerima beberapa rombongan diplomatik daripada Raja Ukoh (Hugo) iaitu Raja bagi kerajaan kecil Franks yang terletak di sebelah pergunungan Pyrennes dan Kaldoh (Charles the Simple) Raja di sebelah Timur Perancis.

Khalifah Abd al-Rahman III juga mengadakan hubungan baik dengan Hugh Of Arles (Raja Itali) dan Raja Hoto atau Otto The Great (Raja German). Kedua-dua perwakilan Raja Itali dan German pernah sampai di Kordova dan disambut baik oleh Khalifah. Rombongan Raja Otto the Great dari German diketuai oleh Recemund (juga terkenal dengan nama Rabi ibn Zayd). Dalam satu perbincangan, perwakilan ini telah membantah serangan yang dilakukan oleh lanun-lanun Muslim di sepanjang perairan Itali dan Perancis. Hasdai ibn Shaprut seorang ahli fizik di istana Abdul Rahman III, yang pernah bertugas menerima kedutaan dari German dan Byzantine, telah dipilih oleh Khalifah sebagai ketua rombongan diplomatik ke kerajaan Queen Tota di Navarre dan Raja Ordono IV di Leon (Joseph F. O'Callaghan, 1975: 100).

Setelah kembali ke German, Recemund yang telah memperolehi ilmu ketika berada di Andalus dipilih menjadi pakar rujuk Liupard, seorang sejarawan di istana Otto yang pernah menghasilkan sebuah karya sejarah bertajuk *Antapodosis*. Selain Recemund, Raja German juga pernah menghantar satu rombongan pelajar ke Andalus untuk menimba ilmu pengetahuan. Rombongan ini diketuai oleh seorang menteri

yang dikenali di Andalus sebagai ‘ William Yang Lurus’ (Azam B. Hamzah, 1999: 88).

Khalifah Abdul Rahman III juga pernah mengadakan hubungan diplomatik dengan Mesir. Sejak tahun 905 M sehingga tahun 935 M, pemerintah Mesir pada ketika itu iaitu Tulunids dan Ikhshids ialah sahabat baik kepada kerajaan Umayyah di Andalus dan musuh bagi kerajaan Abbasiah. Dalam tempoh yang disebutkan ini, Andalus dan Mesir mempunyai hubungan yang baik dari segi politik, budaya dan perdagangan. Walau bagaimanapun, bermula dari tahun 969 M dan seterusnya, selepas kemunculan kerajaan Fatimids hubungan baik antara kedua-dua buah negara ini telah terhenti serta merta. Abdul Rahman III mengambil peluang cuba berbaik-baik dengan Raja Itali dan pemerintah Byzantium dengan tujuan menentang Khalifah Qaim dari kerajaan Fatimid (934-945 M) yang berpusat di Mahdiyah. Angkatan perang Abdul Rahman III yang terdiri daripada orang Barbar di bawah pimpinan Abu Yazid telah berjaya mengepung Mahdiyah dan merampas hampir kesemua harta milik Qaim di Barat Laut Afrika. Permusuhan terus berlaku antara kedua-dua buah kerajaan ini.

Apabila Qaim diganti oleh Mu ‘izz (952-975 M), permusuhan tradisi ini menjadi semakin hebat. Mu ‘izz telah membuat satu rancangan untuk melawan Andalus. Pada tahun 953 M, kapal dagang Andalus yang sarat dengan barang dagangan dalam perjalanan menuju ke Alexandria telah bertembung dengan kapal dari Sicily. Pertembungan ini telah menyebabkan kapal Sicily ini musnah. Kebetulan pula di dalam kapal tersebut terdapat surat rancangan menakluk Andalus yang telah dikirim oleh Gabenor Sicily kepada Mu ‘izz. Tidak lama kemudiannya, kapal dagang

Andalus telah berjaya dimusnahkan oleh Gabenor Sicily ketika kapal tersebut dalam perjalanan pulang dari Alexandria. Atas arahan Mu'izz juga, maka Gabenor Scily telah berjaya menakluk Almeria pada tahun 955 M dan menawan semua kapal milik pedagang Andalus.

Hal ini telah menimbulakan kemarahan kepada Khalifah Abdul Rahman III. Khalifah kemudiannya telah mengarahkan panglimanya Ghalib bersama-sama orang laut dan tujuh puluh kapal lalu menyerang Barat Laut Afrika, membakar *Marsa al-Jaras* dan membinasakan daerah di bawah Sus dan Tabarqah. Pada zaman berikutnya hubungan antara kedua-dua dinasti ini dikatakan baik semula melalui bukti surat diplomatik yang telah dihantar oleh al-Aziz b. Mu'izz kepada Khalifah Al-Hakam II b. Abdul Rahman III (Imamuddin S.M, 1963: 347- 348).

Selain itu, banyak delegasi diplomatik bertumpu di Kordova sama ada dari dalam maupun luar Semenanjung Iberia seperti delegasi daripada suku bangsa yang berpengaruh di Utara Afrika iaitu Zanatah, Adarisah (Idrisid) dan dari kerajaan Kristian di Utara. Kesemua peserta delegasi begitu terpesona dengan kemewahan dan kemakmuran Kordova serta keindahan istana Khalifah Abdul Rahman III.

Dari segi pemerintahan, Abdul Rahman III berjaya mengekalkan kerajaannya melalui pemerintahan pusat, bagi beliau pengagihan kuasa akan mendatangkan bahaya yang besar seperti yang berlaku kepada pemerintahan Abbasiyah. Dalam beberapa urusan luar negara, beliau memiliki kebolehan bertolak ansur dengan musuh-musuhnya seperti terlibat dalam gencatan senjata bersama-sama beberapa suku

bangsa, menerima orang tahanan dari luar, sebahagian daripada mereka diambil bekerja dan sebahagian lagi dihantar ke medan perang.

Beliau juga berusaha menyatukan berbagai-bagai suku bangsa dalam negaranya, antara orang Arab Qaysites dengan Arab Kalbites atau orang Arab dengan orang Barbar, juga membawa masuk hamba abdi (*Shaqalibah*) yang berasal dari Eropah ke istananya untuk diberi perlindungan. Pada mulanya kumpulan hamba ini hanya menurut perintah sahaja tetapi kemudiannya memainkan peranan yang penting di istana dan urusan kerajaan di Andalus. Abdul Rahman III juga membuat pembaharuan kepada tentera dan memajukan pasukan tentera laut, manakala bidang pertanian, perdagangan dan industri yang berkembang subur ketika ini memberi banyak sumbangan kepada pendapatan negara. Perkara yang lebih penting di sini ialah beliau telah memperkenalkan program integrasi sosial di kalangan neo-Muslim (*Al-Muwalladun*) yang berkebolehan menyertai kerajaan dan berkongsi kehidupan yang baik di dalam negeri tersebut.

Khalifah Abd Rahman III dikatakan wajar untuk dibandingkan dengan Abd Rahman I kerana kejayaannya menstabilkan keadaan dalam negeri yang huru-hara melahirkan sebuah empayar yang hebat dan dihormati oleh kerajaan Kristian, pemberontak, Utara Afrika dan Byzantium. Beliau telah dipuji dalam puisi oleh Ibn Abd Rabbahi dan beliau dilihat sebagai pemerintah yang agung dalam sejarah Islam.

Hubungan diplomatik Andalus dengan negara-negara luar ini telah diteruskan oleh pengganti Khalifah Abd Rahman III iaitu Khalifah Al-Hakam II. Khalifah Al-Hakam II pernah menerima kedatangan Raja Barcelona, Tarragona dan beberapa buah

negara Kristian lain yang memohon diadakan pembaharuan kepada perjanjian perdamaian yang pernah diadakan sebelumnya antara Andalus dengan negara-negara tersebut. Mereka telah membawa bersama-sama barang bernilai seperti dua puluh orang sida lelaki bangsa Sclavonian, dua puluh kintars kulit binatang sable, lima kintars bulu musang, sepuluh pasang perisai Sclavonian, seratus bilah pedang Frankish dan beberapa barang lain sebagai hadiah untuk diserahkan kepada Khalifah Al-Hakam II. Khalifah menerima permohonan Raja-Raja tersebut yang mahukan perlindungan kerajaan Islam daripada perompak-perompak yang mengganas di beberapa buah kota yang terletak berhampiran sempadan Islam dan perjanjian ini dianggap sebagai ikhtiar Khalifah untuk menghalang negara Kristian lain bergabung dengan mereka untuk menentang Islam (Ahmad Ibn Mohammed Al-Makkari, 1964: 166).

Selain itu, Khalifah Al-Hakam II juga turut menerima kedatangan rombongan kedutaan dari Garcia yang diketuai oleh anak Raja Sancho Basques bersama-sama beberapa orang ketua paderi dan bangsawan dari negara tersebut. Rombongan ini juga datang dengan tujuan untuk mendapatkan perlindungan keamanan daripada kerajaan Islam (Ahmad Ibn Mohammed Al-Makkari, 1964: 166).

Kegemilangan Andalus sebagai pusat tamadun Islam dan pusat perkembangan ilmu pengetahuan khususnya ilmu sains dan teknologi telah berjaya menarik minat Raja-Raja Eropah untuk mengetahui dengan lebih lanjut keadaan Andalus pada masa itu. Raja Philip adalah salah seorang Raja Eropah yang menghantar dutanya menemui Umaiyyah bin Hisyam I dengan tujuan mengkaji undang-undang dan pentadbiran

yang diamalkan oleh pemerintah Islam Andalus sehingga berjaya melahirkan sebuah tamadun yang gemilang.

Raja German turut menghantar wakilnya yang diketuai oleh seorang menteri bernama Weelmin. King George II dari England telah menghantar serombongan lapan orang puteri yang diketuai oleh puterinya, Dubant ke Andalus pada abad ke 10 M. Rombongan puteri ini telah menuju ke Seville dan disambut dengan baik oleh Khalifah Hisyam III. Kedua-dua belah pihak telah bertukar-tukar surat perutusan. Dalam perutusannya, King George II banyak memuji keagungan dan kehebatan Andalus terutamanya dalam pencapaian ilmu pengetahuan dan sains di Andalus. Sebagai balasan, Khalifah memberi sepucuk surat perutusan kepada King George II yang menyatakan secara jujur rombongan beliau telah disambut dengan baik oleh kerajaan Umayyah dan Khalifah turut menghadiahkan permaidani kepada King George II (Mustafa Hj. Daud, 1999: 148).

Bukti-bukti di atas jelas menunjukkan adanya hubungan diplomatik di antara Andalus dengan negara-negara Kristian Eropah dan negara-negara Islam di Timur yang bermula sejak abad ke 10 M lagi. Secara tidak langsung, melalui hubungan diplomatik inilah para pemerintah luar mengetahui kedudukan Andalus sebagai pusat keilmuan Islam sekaligus memberi peluang kepada para sarjana Eropah untuk datang ke Andalus dan menimba ilmu pengetahuan sebanyak mungkin dan membawanya pulang ke negara asal mereka.

3.4 Faktor Hubungan Perdagangan Andalus Dengan Negara-Negara Luar

Berkaitan dengan kegiatan perdagangan di Andalus, sebenarnya masyarakat di sini telah lama mengamalkan pertukaran barang antara mereka. Para petani dan penduduk luar bandar akan membawa barang keluaran mereka seperti hasil pertanian dan barang industri kampung untuk dijual di bandar besar dan kemudiannya membeli barang-barang keperluan harian dan barang mewah yang tidak terdapat di tempat mereka.

Kebiasaannya, pedagang-pedagang Andalus yang terdiri daripada orang Islam, Yahudi dan Kristian sentiasa sibuk dengan perdagangan dalam negara dan aktiviti eksport dan import. Mereka akan membawa barang yang terbaik dan bernilai dari satu tempat ke sebuah tempat yang lain. Kebanyakan nama pedagang atau saudagar yang melibatkan diri dalam aktiviti perdagangan dalam dan luar negara ini boleh diketahui dalam karya-karya fiksyen, biografi dan lain-lain . Contohnya, pada separuh kedua abad ke 10 M dan suku pertama abad ke 11 M, telah muncul seorang pedagang yang begitu terkenal dari bandar perdagangan Pechina iaitu ‘Abd al-Rahman bin ‘Abd Allah bin Khalid bin Musafir Al-Hamadani Al-Wahrani yang juga dikenali dengan nama Ibn Al-Kharraz atau Abu Al-Qasim. Beliau ialah seorang saudagar pakaian yang membawa barangannya dari Pechina dan menjualnya di kota Kordova dan membeli barang lain di kota tersebut lalu menjualnya di Pechina. Hampir setiap tahun beliau berulang-alik di antara Pechina dan Kordova sehingga berlaku satu kebangkitan revolusi di bandar tersebut selepas kematian Perdana Menterinya iaitu ‘Abd Al-Malik Al-Muzaffar bin Mansur pada tahun 1007 M. ‘Abd Al-Rahman Al-Wahrani telah

menghentikan aktivitinya ke Kota Kordova dan terus menetap di Pechina (Imamuddin S.M, 1963: 298).

Ibn Hawqal menyatakan bahawa Andalus merupakan satu bahagian kecil di dunia yang membolehkan seseorang itu mendapatkan barang-barang keperluan dengan harga yang paling murah. Buah-buahan mudah diperoleh di sini sehingga kadang-kadang tidak ada harga. Walaupun ada kenaikan harga semasa zaman terakhir pemerintahan bani Umayyah dan kerajaan-kerajaan kecil Islam, namun timbunan barang-barang keperluan yang melimpah ruah ini menyebabkan barang tersebut terpaksa dijual dengan harga yang murah. Shaqundi seorang ahli sejarah yang pernah tinggal di Andalus pada abad ke 12 M, telah menceritakan pengalaman beliau melihat berbagai-bagai jenis komoditi dan barang-barang asing yang melimpah ruah di bandar Seville. Menurut beliau, *if thou seekest for bird's milk, by Allah thou shalt find it in Seville* (Imamuddin S.M, 1963: 298-299).

Antara lain, Idrisi ada menyebut tentang aktiviti perdagangan dalam dan luar negara yang berlaku dengan meluasnya di Seville dan Evora. Razi menambah dengan mengatakan bahawa Tortosa menjadi terkenal kerana kekayaan dan perdagangannya. Menurut Ibn Hawqal pula, hampir keseluruhan bandar yang kecil dan besar di Andalus ketika itu mempunyai bekalan barang-barang keperluan dan barang mewah yang mencukupi hingga membolehkan masyarakatnya hidup dalam keadaan yang selesa dan senang- lenang (Imamuddin S.M, 1963: 298-299).

Sebenarnya, kekayaan hasil bumi Andaluslah yang menyebabkan negeri ini mampu menghasilkan sendiri barang-barangan keperluan dan barang mewah sehingga

aktiviti perdagangan dapat dijalankan dengan negara-negara luar. Berkaitan dengan perkara ini, penulis telah memetik kata-kata W.B.Fisher yang berbunyi seperti berikut;

Mineral resources-gold, silver, iron, lead, tin, copper and mercury-were also exploited, as the basis of an important manufacturing industry. Toledo became a leading European center of fine steel-making for arms and armour (by hand, of course, and in small quantities) and was especially noted for its damascene work (i.e. inlay of gold and silver on other metal originally developed in Damascus). Paper making was introduced from south-west Asia, for the first time in Europe, and proved a most important factor in the intellectual predominance of Moslem Spain. Textiles (in cotton, merino wool, silk and mohair), glassware and pottery were also important products of Moorish Spainwith this basis, a flourishing export trade was carried on from Seville, Cadiz, Malaga and Jaen. Spanish products were greatly prized not only in Europe, and the Moslem world of Asia, but also beyond-in India, China and Russia (W. B. Fisher, 1958 : 61).

Selain itu, menurut Philip K. Hitti;

The industrial and agricultural products of Moslem Spain were more than sufficient for domestic consumption. Seville one of the greatest of its river ports, exported cotton, olives and oil; it imported cloth and slaves from Egypt and singing girls from Europe and Asia. The exports of Malaga and Jaen included saffron, figs, marble and sugar. Through Alexandria and Constantinople Spanish products found markets as far away as India and Central Asia. Especially active was the trade with Damascus, Baghdad and Makkah (Philip K. Hitti 1956: 529).

Penulis juga mendapati bahawa terdapat pengkhususan pengeluaran barang mengikut bandar-bandar tertentu seperti yang dinyatakan oleh Harold Livermore.

Menurut beliau;

The growth of industry at Cordova had been imitated in other cities, and the Spanish ports conducted a prosperous trade with Africa and the east. There were in addition many specialized activities: Toledo, the old military capital of the Visigoths and now the center of the frontier, became famous for its arms, Malaga for its preserved fruits, Cordova for leatherware, Granada and Almeria for silks, and Malaga and later Valencia for glazed pottery (Harold Livermore, 1958: 119).

Berhubung dengan kegiatan perdagangan masyarakat Islam Andalus juga, seorang ahli ekonomi yang terkenal pada pertengahan abad ke 19 M iaitu Colmeiro telah menyimpulkan bahawa;

In short the Arab Spain maintained direct and very frequent commercial relations with Italy, Morocco, North Africa, Agypt, Greece and Syria, and indirect ones with other parts of Central Africa and several regions of Europe and Asia without excluding India and China.

Berkaitan dengan aktiviti perdagangan yang dijalankan oleh para pedagang Andalus, jika sesuatu perdagangan itu dijalankan dengan negara-negara Islam, maka pedagang-pedagang Islam sendiri akan terlibat membawa barang dagangan ke negara tersebut, sebaliknya dengan negara-negara bukan Islam yang lain di Eropah dan Asia maka perdagangan itu akan dijalankan oleh orang-orang Yahudi yang kadangkala dibantu oleh golongan Mozarab. Berhubung dengan perkara ini, Henry Peres menyatakan bahawa; *The Mozarabs and the Jews played the role of middlemen between North Spain and Andalus and the Mediterranean regions, Byzantium, Baghdad and Cairo....*

Secara keseluruhannya, antara barang yang dieksport oleh Andalus ke negara-negara luar adalah seperti binatang ternakan, ikan, minyak, buah tin, kacang badam, halwa atau manisan buah-buahan, gula, garam, madu, sutera, kain linen, kapas, kayu, kertas, bulu dan kulit binatang, pakaian, permaidani, saffron (pewarna kuning), damar, minyak wangi, emas, perak, vitriol (sejens asid), besi, karang (berwarna merah), talkum dan al- ma'tisia, collyrium, alkohol, emery (kertas pasir), ochre (warna kuning dan merah), timah, senjata dan alat perkakas, barang-barang tembikar dan kaca serta hamba abdi (Imamuddin S.M, 1963: 331-337).

Manakala barang import dari negara luar ke Andalus adalah seperti binatang ternakan, buah-buahan dan tumbuhan, barang teknik, minyak wangi dan akar aromatik, gula, buku, emas dan batu permata, senjata dan alat perkakas serta hamba abdi.

Aktiviti perdagangan melibatkan import dan eksport ini begitu penting kepada ekonomi Andalus kerana dari sinilah pemerintah Islam memperolehi cukai untuk menambahkan hasil pendapatan negara. Berhubung dengan perkara ini, Philip K.Hitti menyatakan bahawa;

The state depended for its revenue mostly on duties imposed on imports and exports. Spain under the caliphate was one of the wealthiest and most thickly populated lands of Europe (Philip K.Hitti, 1956: 527).

Menurut Andrew Crichton;

The annual revenue of the Spanish caliphs was immense. In the reign of Abd Rahman III, the greatest sovereign that ever sat on the Moorish throne, it was reckoned equivalent to 5,500,000 of sterling money, which at that time probably exceeded the united income of all the Western monarchies. It was derived, first, from a tithe of all produce whatsoever, which was paid in kind; secondly, from a duty of twelve and a half per cent on every commodity imported or exported; of an impost of one-tenth part on every species of goods transferred by sale; and, lastly, of a tribute of one-fifth levied on property belonging to Jews and Christians (Andrew Crichton, 1834: 75).

Hubungan perdagangan antara Andalus dengan Ifriqiyah telah bermula sejak zaman dahulu lagi. Hubungan antara Andalus dan Ifriqiyah terus berlangsung semasa Zaman Pertengahan dan zaman berikutnya. Ifriqiyah berperanan penting sebagai medium perantaraan di antara Andalus dengan dunia timur termasuklah Mesir. Melalui pemerhatian yang dijalankan, Latrie mengatakan bahawa barang-barang

dagangan dari Mesir, Sudan, India dan China akan melalui Al-Maghrib terlebih dahulu sebelum sampai ke Andalus dan Itali. Michele Amari turut menyebut tentang perdagangan antara Sudan dengan Afrika Utara. Menurutnya barang dagangan dari Sudan akan melalui Afrika Utara sebelum tiba ke Andalus. Pelabuhan Tenes menjadi pusat utama perdagangan antara Afrika Utara dengan Andalus dan kapal-kapal pedagang dari Andalus sering berulang-alik dari pelabuhan tersebut.

Al-Bakri menyatakan bahawa pelaut-pelaut Andalus terutamanya dari Tudmir (Murcia) dan Elvira adalah antara peneroka awal pelabuhan Tenes yang telah dibuka pada tahun 875 M. Antara mereka yang terkenal adalah daripada keluarga Al-Kurkuni, Abu 'A'ishah, Al-Safr (al-Saccar) dan Suhayb. Ada juga pelaut dari Tenes yang menjalankan perdagangan dengan Andalus dan mereka tiba di Andalus melalui pelabuhan Pechina (Bajjanah) dan lain-lain (Imamuddin S.M, 1963: 346).

Walaupun Mesir dan Andalus tidak mempunyai hubungan politik yang baik semasa pemerintahan Khalifah Fatimid, namun kedua-dua kerajaan ini dikatakan mempunyai hubungan secara tidak langsung dari segi kebudayaan dan perdagangan, terutamanya dari segi ilmu pengetahuan yang ada pada para sarjana kedua-dua buah negara tersebut. Kebanyakan kafilah yang akan menziarah ke tempat suci dan pedagang Andalus serta Al-Maghrib yang akan pergi ke Timur atau Arab melalui jalan darat atau laut terpaksa melalui Mesir terlebih dahulu. Ketika dalam perjalanan menuju ke Timur inilah pedagang Andalus akan singgah di Mesir dan menjual barang yang dibawa seperti barang mentah dan barang siap, hamba kulit putih dan sida lelaki. Dalam perjalanan pulang, sekali lagi pedagang akan singgah di Mesir dan

membeli barang kesenian yang bermutu tinggi serta penyanyi wanita untuk dibawa balik ke Andalus (Imamuddin S.M, 1963: 348).

Bukti lain menunjukkan adanya hubungan perdagangan di antara Andalus dan Mesir ialah melalui sepucuk surat yang dihantar oleh Chasdai kepada Raja Khazars. Chasdai ialah pegawai istana Abd Rahman III berbangsa Yahudi. Dalam surat tersebut, Chasdai menceritakan kehadiran pedagang asing dari beberapa buah negara luar dan pulau terutamanya Mesir dan negara-negara lain. Pedagang-pedagang ini membawa bersama-sama mereka minyak wangi, batu-batu permata dan barang bermutu yang lain untuk kegunaan puteri Raja dan golongan kaya. Secara umumnya, kesemua barang dagangan dari Mesir ini begitu diperlukan di Andalus.

Selain itu, Ibn Hayyan juga turut membincangkan kedatangan pedagang Mesir dan Iraq ke Andalus semasa pemerintahan Hajib al-Muzaffar (1002-1007 M). Salah seorang pedagang dari Mesir yang terkenal ketika itu ialah ‘Abd Al-Rahman b. Muhammad b. Abu Yazid Khalid b. Khalid (Abu al-Qasim). Beliau tiba di Andalus pada tahun 1003-4 M. Beliau bukan sahaja pedagang roti, tetapi juga seorang terpelajar dan alim dalam bidang agama serta seorang penyair.

Pedagang-pedagang Andalus yang menjalankan perdagangan di Mesir ialah Ahmad b. Fath b. ‘Abd Allah dan Mas ‘ud b. ‘Ali b. Marwan . Ahmad b. Fath b. ‘Abd Allah telah bertemu dengan Abu Muhammad ‘Abd Allah b. Abi Zayd di Qayrawan dan Hamzah b. Muhammad al-Kin ‘ani dan beberapa orang lain di Mesir. Beliau kembali semula ke Andalus dan meninggal dunia pada tahun 1009-1010 M. Mas ‘ud b. ‘Ali b. Marwan atau dikenali juga sebagai Abu Al-Qasim ialah seorang guru agama

di masjid Pechina. Beliau menuju ke Timur untuk beribadah dan berdagang. Di Mesir, beliau telah menghadiri kuliah yang disampaikan oleh Ahmad b. Shu ‘ayb al-Nasa’i dan Waki’i serta beberapa orang terpelajar yang lain (Imamuddin S.M, 1963: 350).

Selain Mesir, pedagang-pedagang Andalus juga menjalankan perdagangan dengan negara Syria. Heyd memetik catatan Idrisi yang mengatakan bahawa kapal-kapal pedagang milik Mesir dan Syria sering dilihat di pelabuhan Almeria dan kebanyakannya kapal yang dibina di Almeria, Denia, Malaga dan beberapa buah bandar lain dikatakan begitu laju untuk tiba di pantai Syria dalam masa tiga puluh enam hari sahaja.

Di antara pedagang-pedagang Syria yang berdagang di Andalus pada awal abad ke 11 M ialah ‘Abd Al-Malik b. Muhammad b. Nasr b. Safwan Al-Shami Al-Himsi atau dikenali sebagai Abu Al-Walid. Abu Al-Walid telah mengunjungi Iraq dan Hijaz dan kemudiannya tiba di Andalus untuk berdagang pada tahun 1023-4 M. ‘Abd Allah b. Bakr b. Al-Muthannah Al-Shami Al-Madni atau Abu Al-‘Abbas lahir pada tahun 948-9 M datang ke Seville bersama-sama bapanya membawa barang perdagangan pada tahun 1025-6 M.

Antara lain pedagang-pedagang dari Syria termasuklah ‘Ubayd Allah b. Sa ‘d b. Ali b. Mahran atau Abu Al-Fadl lahir pada tahun 952-3 M dari Damascus telah melawat Iraq, Hijaz, Mesir dan akhirnya sampai ke Seville pada 1025-6 M. Ayyub b. Nasr b. ‘Ali b. Al-Mubarak Al-Shami Al-Maqdisi atau Abu Al-‘Ata’ lahir pada tahun 963 M pengikut Imam Shafi ‘i. Beliau datang berdagang di Andalus pada tahun 1033

M . Al-'Ula b. Harith b. Khatir b. 'Ubad atau Abu Wahab dari Damascus (967 M)
ialah seorang pedagang yang sangat mashyur. Hampir seluruh rakyat Mesir, Hijaz
dan Iraq mengenali beliau. Beliau telah datang ke Andalus bersama-sama anaknya
Kathir berdagang pada tahun 1038 M (Imamuddin S.M, 1963: 351).

Andalus juga mempunyai hubungan perdagangan dengan negara Arab.
Kebanyakan pedagang yang menuju ke Iraq dan Timur Jauh untuk menunaikan haji
dan bermiaga di pusat perdagangan Mekah akan melalui Arab terlebih dahulu. Ada di
antara pedagang tersebut menuju ke bahagian selatan Arab untuk berdagang di 'Adan
iaitu tempat pertemuan antara pedagang Arab dan India. Di sinilah berlakunya
pertukaran barang yang dibawa dari Andalus dengan pedagang Arab dan India. Di
antara pedagang Andalus yang terlibat adalah seperti Ishaq b. Ghalib b. Tamman al-
Asfari dari Cordova atau dikenali sebagai Abu Al-Qasim dan Qaraydi. Semasa dalam
perjalanan menuju ke Timur untuk urusan perdagangan, beliau telah singgah di
Qayrawan dan mendengar kuliah ilmu yang disampaikan oleh Sadri Zayyad b. Yunus
dan Abu Al-'Abbas Al-Tamimi dan kemudiannya bermiaga di Mesir. Ibn Al-Faradi
menyatakan bahawa Abu Al-Qasim telah sampai di 'Adan. Di sinilah beliau bertukar-
tukar barang dagangan dengan pedagang dari Arab dan India.

Sebaliknya, pedagang Arab yang datang berdagang di Andalus pula terdiri
daripada Salim b. 'Ali b. Thabit b. Abi Yazid Al-Ghassani Al-Yamani atau Abu
Yazid (952-3 M). Beliau datang ke Andalus bersama-sama bapanya pada tahun
1025-6 M. Sebelum beliau, ada seorang pedagang Arab yang datang pada zaman
pemerintahan Mansur. Beliau datang dari 'Adan. Mansur telah membeli banyak emas

dan batu permata daripada pedagang tersebut dan membayar beliau dengan beg duit yang dibuat di Yaman (Imamuddin S.M, 1963: 352).

Sejak zaman pemerintahan ‘Abd Al-Malik Al-Muzaffar (1002-1007 M), ramai saudagar Iraq datang ke Andalus. Antara saudagar Iraq yang terkenal ialah ‘Abd Al-‘Aziz b. Ja ‘far b. Muhammad b. Ishaq dari Baghdad (932-1023 M) dan Tammam b. al-Harith b. Asad b. ‘Ufayr Al-Basri atau dikenali sebagai Abu Sahl . Beliau datang terlebih dahulu ke Andalus pada tahun 961 M untuk berdagang dan tinggal di Onda. Kemudiannya beliau datang semula ke Andalus bersama-sama anaknya Sahl pada tahun 1029 M dan menetap di Seville.

Para saudagar Andalus yang menjalankan perdagangan di Iraq pula terdiri daripada ‘Ubayd Allah b. Yahya b. Yahya al-Laythi atau Abu Marwan yang berasal dari Kordova. Beliau seorang pedagang yang bijaksana, kaya dan dermawan. Beliau pergi ke Mesir dan Iraq untuk beribadah dan berdagang. Beliau meninggal dunia pada bulan Ramadan 911 M. Qasim b. ‘Asim b. Khayrun b. Sa ‘id al-Muradi atau Abu Muhammad, pedagang dari Pechina juga pernah sampai ke Baghdad. Muhammad bin Marun b. Ruzayq dikenali sebagai Abu ‘Abd Allah atau Al-Ghashi berasal dari Merida. Beliau juga saudagar yang bijaksana dan terpelajar. Beliau pergi ke Timur bersama-sama abangnya ‘Abd Al-Malik dan melawat Mesir dan Baghdad. Beliau meninggal dunia pada usia 95 tahun pada 950-251 M. Ahmad b. Khalid b. ‘Abd Allah Al-Jadhami Al-Tajir atau Abu ‘Umar ialah saudagar terkenal di Kordova. Beliau menjalankan perdagangan di Timur, melawat Mesir, Mekah dan Iraq dan kemudiannya kembali semula ke Andalus.

Saudagar- saudagar lain dari Andalus yang turut berdagang di Iraq ialah ‘Abd Allah b. Muhammad b. ‘Abd Al-Mu’mín b. Yahya Al-Tujibi digelar Abu Muhammad atau Al-Ziyat dari Kordova, ‘Abd Allah b. Massarah b. Najih atau digelar Abu Muhammad ialah seorang Barbar, Qasim b. Asbagh al-Hajri dari Seville dan Bakr b. Al-‘Ayn dari Kordova (Imamuddin S.M, 1963: 353-354).

Andalus juga mempunyai hubungan perdagangan dengan Iran dan Khurasan. Butler menyatakan bahawa kebanyakan pedagang dari Iran yang terlibat dalam perniagaan barang sulaman dan permaidani mengembara ke Mesir dan Andalus sejak zaman awal Islam lagi. Wathimah b. Musa Al-Furat Al-Faris Al-Fasawi ialah pedagang Iran yang telah berhijrah dan menetap di Basrah. Beliau terlibat dalam perniagaan Al-washi (pakaian bersulam). Beliau mengembara ke Mesir dan menuju ke Andalus untuk berdagang. Beliau meninggal dunia di Mesir pada tahun 851 M ketika dalam perjalanan pulang ke Basrah.

Antara pedagang Andalus yang berdagang di Iran ialah Muhammad b. ‘Isa Al-Bayani Al-Andalusi atau diberi gelaran ‘Abd Allah. Beliau telah berdagang di Iran dan Khurasan dan pernah melawat ‘Uman dan Narmashir, serta bandar Kirman, Bistan, Nishapur, Jurjan, Janaza sehingga sampai di Tarabalas pada 944 M dan Barqah pada tahun 949-50 M (Imamuddin S.M, 1963: 355).

Ahli perniagaan atau pedagang-pedagang Khurasan yang pernah berdagang di Andalus pula terdiri daripada Ishaq b. al-Hassan b. ‘Ali b. Ahmad b. Mahdi Al-Khurasani Al-Bazzaz atau Abu Tammam adalah seorang pengikut Sunni dan seorang alim dalam agama. Ibrahim b. ‘Al b. Muhammad b. Ahmad Al-Daylmi Al-Sufi atau

Abu Ishaq berasal dari Kartam di Khurasan. Beliau telah datang ke Andalus pada tahun 969 M dan pernah tinggal di Kordova sebelum beliau pulang semula ke Timur. Nasr b. Al-Hassan b. Abu Al-Qassim Al-Tankati atau Abu Al-Fath dan Abu Al-Layth dari Samarcand pernah berdagang di Mesir sebelum sampai ke Andalus pada tahun 1071 M dan sampai ke Valencia pada 1072 M. Terakhir ialah Muhammad b. 'Abd Allah atau 'Abd Allah pernah sampai ke Andalus sebelum kematian Al-Faradi.

Antara pedagang Andalus yang berdagang di Khurasan pula ialah Muhammad b. Al-Bayani Al-Andalusi dan Sa 'id b. Nasr b. 'Umar b. Khalaf . Di Khurasan, Sa id b. Nasr telah bertemu dengan Abu Sa 'id b. Al-Arabi dan Ismail Al-Saffar. Beliau meninggal dunia di Bukharah pada 961 M. Selain mereka, pedagang lain ialah 'Abd Al-'Aziz b. 'Abd Al-Malik atau Abu Al-Asbagh dan Muhammad b. Salah Al-M'afiri. 'Abd Al-'Aziz juga pernah melawat Mekah dan Iraq sebelum beliau sampai ke Khurasan dan akhirnya meninggal dunia di Bukharah pada tahun 675-6 M. Tujuan beliau mengembara ke negara-negara tersebut adalah untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dan berdagang. Berbeza dengan 'Abd Al-'Aziz , tujuan utama Muhammad b. Salah al-Mafiri pergi ke Timur adalah semata-mata untuk berdagang dan selepas melawat Mekah, beliau menuju Iraq dan akhirnya tiba di Khurasan. Beliau tinggal di Bukharah sehingga meninggal dunia pada tahun 988 M. (Imamuddin S.M, 1963: 355-356).

Imamuddin S.M telah memetik kata-kata Vasilliev yang menyatakan tentang kehadiran pedagang Arab di Rusia pada abad ke 10 M. Menurut beliau, Empayar Abbasiah merupakan jiran terdekat Rusia. Oleh itu, para pedagang Arab dari Timur

mempunyai banyak kelebihan untuk menjalankan perdagangan dengan Rusia berbanding dengan pedagang Arab di sebelah Barat. Hal ini terbukti dengan terjumpanya duit syiling Arab di negara tersebut. Walau bagaimanapun, kemungkinan besar pedagang Arab dari Andalus juga pernah tiba di Rusia melalui Khurasan. Kenyataan ini tidak boleh diabaikan walaupun tidak ada bukti yang kukuh mengenainya.

Andalus tidak setakat mengadakan hubungan perdagangan dengan negara-negara Islam di sebelah Timur, sebaliknya turut berdagang dengan pedagang-pedagang dari negara India dan China. Pedagang Andalus bukan sahaja menjalankan pertukaran barang mereka dengan barang India di pelabuhan yang sibuk seperti ‘Adan dan Basrah di Syria atau Mesir, mereka juga terus pergi ke India dan China untuk memasarkan barang keluaran mereka dan membawa balik barang yang baik dan berfaedah ke Andalus.

Salah seorang pedagang Andalus yang telah berdagang di India ialah Muhammad b. Mu ‘awiyah b. ‘Abd Al-Rahman b. Ishaq dikenali juga sebagai Ibn Al-Ahmar atau Abu Bakr yang berasal dari Kordova. Beliau meninggalkan Andalus dan menuju ke Timur pada tahun 907-8 M semasa pemerintahan ‘Abd Allah. Al-Dabbi mengatakan beliau ke Timur pada 912-13 M. Ibn Al-Ahmar telah melawat Mesir, Mekah, Baghdad, Kufah, Basrah dan Aballah dan telah mengikuti kuliah para sarjana yang unggul di tempat tersebut. Beliau memasuki India sebagai seorang pedagang dan mendapat pendapatan yang begitu lumayan daripada perdagangannya. Ibn Al-Faradi mengatakan bahawa semasa Ibn Al-Ahmar meninggalkan India, beliau

mempunyai sebanyak tiga puluh ribu dinar bersamanya (Imamuddin S.M, 1963: 358).

Menyentuh tentang perdagangan yang maju di Byzantium, Imamuddin S.M telah memetik kata-kata Charles Diehl yang berbunyi seperti berikut;

Due to its situation between the East and West at the head of all the commercial routes of the world, Constantinople was a great commercial center, where the people assembled and exchanged all the products of the world ; it is calculated that in the capital alone the income from market and custom duties was 7,300,000 gold coins equivalent to more than 500 million gold coins of today.

Byzantium menjadi tempat pertemuan semua pedagang dari Timur dan Barat terutamanya Rusia, Turki, Itali, Armenia dan Bulgaria. Kedudukan Byzantium sebagai pusat perdagangan yang berpotensi serta hubungan baik Maharaja Greek dengan pemerintah Islam di Andalus telah banyak membantu Andalus mengukuhkan hubungan perdagangannya bukan sahaja dengan negara tersebut tetapi juga dengan Eropah Timur dan Timur Laut Asia. Melalui jalan perdagangan inilah para pedagang Andalus telah berjaya sampai ke negara Rusia (Imamuddin S.M, 1963: 360). Archibald Lewis menyatakan bahawa;

While Byzantium was thus revived, the Umayyads of Spain became an important maritime power for the first time under the rule of Abd Rahman III. They not only controlled the Balearics and advance bases along the coast of Southern France, but their naval power had to be considered by the Fatimids of Africa and Sicily as well (Archibald Lewis, 1970: 25)

Selain Byzantium, Andalus juga tidak ketinggalan menjalankan perdagangan dengan negara-negara Barat lain seperti Itali, Perancis dan Eropah Utara. Penaklukan wilayah Mediterranean oleh orang-orang Islam telah menyebabkan hubungan

perdagangan di antara Timur dan Barat melalui Bari, Salerno, Naples, Gate dan Amalfi dengan Byzantium terus merosot. Keadaan ini juga menyebabkan hubungan antara Itali dan Andalus tidak begitu baik dan mereka sering berperang di antara satu sama lain.

Walau bagaimanapun, keadaan ini berubah pada tahun 838 M apabila angkatan laut Islam Andalus telah berjaya memusnahkan Marseilles. Ramai orang Andalus menetap di Provence dan Marseilles antara tahun 891 M sehingga 894 M dan pada permulaan abad ke 10 M, mereka berpindah ke bahagian pergunungan Alpine Range sehingga pada tahun 972 M. Hubungan antara kedua-dua negara ini bertambah baik apabila Khalifah Abd Rahman III dan Raja Hugues di Provence berkawan baik kerana kedua-duanya mempunyai musuh yang sama iaitu kerajaan Fatimid yang berpusat di Mahdiyah. Raja Hugues bermusuhan dengan kerajaan Fatimid berikutan tindakan Qa' im Abu Al-Qasim Muhammad (934-945 M) pemerintah Fatimid yang telah mengarahkan laksamananya memusnahkan Genoa pada tahun 936 M.

Bermula dari awal abad ke 9 M, hubungan perdagangan antara Andalus dan Itali menjadi semakin kukuh. Rakyat biasa dan golongan paderi di Itali gemar menggunakan tekstil dan barang yang datang dari Andalus. Oleh itu, pada pertengahan pertama abad ke 9 M, tekstil dengan barang perak telah dieksport ke Itali. Mengikut Istakhr, Qubrus (Cyprus) menjadi pusat perdagangan utama bagi pedagang-pedagang Islam dan Kristian pada abad ke 10 M. Cyprus berfungsi sebagai depot utama bagi pertukaran barang yang datang dari Itali dan Andalus.

Selain Cyprus, Marseilles juga telah muncul sebagai pelabuhan yang penting bagi perdagangan antara Timur dan Barat. Gregoric de Tours dan Pirenne memperkatakan tentang aktiviti maritime di pelabuhan perdagangan Marseilles. Menurut Pirenne, Marseilles mempunyai hubungan perdagangan yang baik dengan empayar Byzantine, Syria, Mesir, Afrika Utara, Andalus dan beberapa bahagian lagi di Itali. Pedagang Syria dan Yahudi yang sering berdagang di Septimania telah menetap di Marseilles dan mereka yang banyak menjalankan perdagangan import dan eksport di pelabuhan tersebut.

Sebelum abad ke 10 M, apabila pedagang dari Republik Venice dan Genoa berminat untuk menjalankan aktiviti perdagangan di Eropah, orang Yahudi mengambil peluang keemasan ini sebagai orang tengah dan hasilnya mereka mempunyai saham terbanyak dalam perdagangan di kedua-dua bandar tersebut dan berjaya mengumpulkan banyak kekayaan dari sini. Salah seorang pedagang Yahudi yang kaya ialah Pierre le Bonne (Imamuddin S.M, 1963: 362).

Selain khidmat orang Yahudi yang bertindak sebagai orang tengah antara pedagang Andalus dan Itali, penempatan penduduk Islam Andalus di kawasan jajahan Itali pada abad ke 10 M juga telah banyak membantu dalam perhubungan perdagangan di antara kedua-dua negara ini. Menyentuh tentang aktiviti laut di Venice, Imamuddin S.M telah memetik ulasan daripada Latrie yang berbunyi seperti berikut;

In 971, the Senate, sanctioning the decisions of the pope and the king, prohibited their boats from transporting arms and wood for construction to Muslim countries but authorized them to sail for mahdiyah and Tripoli with all other articles made of

wood like pots, utensils, plates, porringers, staircases, walking-sticks, pin for the weaver, which show the importance of the wood-work of Italy and the manufacture of cloth in East Morocco. The Duke Orseolo II (991-1009 M) established friendly relations with all the 'Arab kings of his time". Melalui Afrika Utara, barang-barang dagangan dari Itali ini juga telah sampai ke Andalus (Imamuddin S.M, 1963: 363).

Pada mulanya, Andalus tidak mempunyai hubungan perdagangan dengan Perancis. Walau bagaimanapun, hubungan perdagangan ini timbul apabila para pedagang Yahudi dari Andalus terpaksa melalui Perancis terlebih dahulu untuk sampai ke Jerman. Ketika dalam perjalanan menuju ke Jerman inilah, pedagang-pedagang ini telah mengambil kesempatan menjual barang dagangan mereka di beberapa buah tempat di Perancis. Dalam perjalanan pulang, sekali lagi pedagang-pedagang Yahudi ini singgah di wilayah penempatan Yahudi di Perancis dan membeli barang untuk dibawa pulang ke Andalus. Mereka membawa membawa balik hamba yang diperoleh dari pasar terkenal Verdun untuk diberi kepada pemerintah Islam Andalus. Bermula dari sinilah perdagangan wujud antara pedagang Yahudi Andalus dengan orang Yahudi Verdun di Perancis (Imamuddin S.M, 1963: 364).

Wilayah Kristian Catalonia dan Castile tidak mengeluarkan barang-barang keperluan mereka sendiri, oleh itu mereka bergantung kepada hasil keluaran Andalus tidak kira dalam suasana aman atau peperangan. Walaupun perbalahan sering berlaku di antara kedua-dua kerajaan Islam dan Kristian Andalus, namun barang ini tetap sampai ke wilayah Kristian dan dari sini barang tersebut akan dipindahkan pula ke seluruh Perancis. Ketika keadaan aman, kedua-dua pedagang Islam dan Kristian akan berdagang antara satu sama lain, sebaliknya jika berlaku peperangan, perdagangan akan dilakukan oleh pedagang Yahudi sahaja (Imamuddin S.M, 1963: 365).

Sanchez Alboroz menyatakan tentang monopoli perdagangan oleh orang Islam dan Perancis di wilayah Kristian Andalus dan peranan orang Yahudi sebagai orang tengah di antara mereka. Dengan adanya orang Yahudi inilah juga perdagangan dapat berjalan lancar di antara Andalus dan Perancis. Orang-orang Yahudi yang terlibat dalam aktiviti perdagangan ini telah mendapat naungan politik daripada pemerintah Islam dan Kristian di Andalus dan Raja Charlemagne. Imamuddin S.M memetik ulasan Levasseur yang menyatakan tentang naungan Raja Charlemagne di Perancis terhadap orang-orang Yahudi. Menurut beliau;

The Jews gathered in order to carry on trade and money-lending business. They served under Charlemagne. After the Muslim conquest which closed the markets of Asia and Africa to the Christians, the Jews played the parts of middlemen and carried on trade between Europe and these regions (Imamuddin S.M, 1963: 365).

Antara bukti lain yang menunjukkan wujudnya hubungan perdagangan di antara Andalus dan Perancis adalah mengenai dokumen Perancis abad ke 11 M yang bertulis mengenai pedagang Kordova dan cordonniers atau shoe-maker. Dokumen ini menyatakan tentang perdagangan kulit yang dibawa ke Verdun sejak abad ke 9 M lagi. Imamuddin S.M mengambil petikan Sabbe, seorang sejarawan yang membuat kajian mendalam tentang jenis barang perdagangan pada abad ke 9 M hingga 10 M dan menceritakan tentang hubungan Verdun dan Andalus. Menurut Sabbe;

Towards the year 861-879 M, the monks of St. Bertini met on their way to Rome some merchants (of Verdun) returning from Spain. A century later Liudprand of Cremona, who had been sent to Constantinople on a mission by Otto I in 949 A.C., informs us that the inhabitants of Verdun carried on trade in eunuchs with Spain...In 953 a man of Verdun, who knew Spain well, served as guide to Jean de Gorze who has been sent on mission to the Khalifah of Cordova, 'Abd al-Rahman III, by Otto I. This guide was probably a merchant and had carried on trade in the Iberian Peninsula. These three texts, one of the second half of the 9th century and the other two of the middle of the 10th century, speak of the commercial relations between Verdun and Spain.

Hubungan perdagangan yang wujud di antara Andalus dengan Perancis tidak dapat dinafikan lagi dan jelas terbukti setelah terjumpanya syiling French di Andalus dan syiling Andalus di negara tersebut. Beberapa harta bernilai yang tersembunyi seperti dirham Arab dan syiling perak Caronlingian yang digunakan pada pertengahan abad ke 9 M, satu milik Charlemagne dan enam lagi kepunyaan anaknya Luis Ludovico Pio iaitu Raja Perancis telah dijumpai di Kordova dan barang berharga ini telah disimpan dengan baik di muzium arkeologi tempatan (Imamuddin S.M, 1963: 368).

Secara keseluruhannya, William C. Atkinson menyimpulkan aktiviti perdagangan di Andalus seperti berikut;

Industry enjoyed a parallel prosperity, that ranged through gold-and silver-mining, the weaving of wool and silk, the manufacture of paper, introduced into Europe by the Arabs, and of glass, invented in Cordova in the ninth century, metalwork, ceramics, and leatherware. The fame of these products traveled far, and to handle the flourishing commerce that resulted there grew up a great trading fleet based chiefly on Seville, Malaga, and Almeria. Much went south to Africa, more east to Egypt and Byzantium, whence the products of al-Andalus became known in central Asia and India. With Mecca, Baghdad and Damascus relations were closer still. In return came all the products of the orient. Export and import dues constituted the largest single source of state revenue under Abd Rahman III, in whose day al-Andalus was one of the richest and most densely populated areas in Europe (William C. Atkinson, 1960: 58).

Keterangan-keterangan di atas jelas menunjukkan bahawa aktiviti perdagangan di Andalus telah lama bermula sejak awal abad ke 10 M lagi dan sekaligus membuktikan bahawa Andalus bukanlah dunia yang terpencil, sebaliknya sebuah wilayah kekuasaan Islam yang telah berjaya memonopoli perdagangan di seluruh dunia pada satu masa dahulu. Melalui hubungan perdagangan inilah secara langsung Andalus mula dikenali sebagai pusat tamadun Islam dan pusat aktiviti

keilmuan dan mula dikunjungi oleh para sarjana dari seluruh dunia. Haidar Bammate menyatakan bahawa;

Contact between the two civilizations-Christian and Muslim –had been established by normal and well-founded routes. In this commerce and pilgrimage played the principal role (Haidar Bammate, 1981: 16).

3.5 Kesimpulan

Jelaslah di sini bahawa terdapat banyak faktor yang membolehkan Andalus wujud sebagai pusat pengaliran ilmu dari tamadun Islam ke Eropah pada abad ke 12 dan abad ke 13 M dan sebahagian kecilnya pada abad ke 14 M. Faktor-faktor di atas membuktikan bahawa Andalus mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri sebagai pusat ketamadunan Islam terunggul di Eropah yang membezakannya dengan pusat-pusat tamadun Islam di sebelah Timur. Penulis telah memetik kata-kata Rene Taton, seorang ahli sejarah sains yang berbunyi seperti berikut;

The history of Arabic science can be divided chronologically and geographically. In the beginning, the East was the main center of learning, scholars from Persia, Egypt, Syria and India flocking to Baghdad. Then, with the conquest of Spain by the Omayyads, Cordova began to supplant Baghdad, so that it is mainly through Spain that Arabic learning has come down to us, and this despite the fact that the Crusades brought the West into close contact with Eastern Arabia (Rene Taton, 1957: 396).

Walaupun sebahagian besar daripada tradisi keilmuan Islam datangnya daripada para sarjana dan pemikiran kreatif orang-orang Islam di wilayah Islam di sebelah Timur, namun ilmu tersebut tidak tersebar luas. Sebaliknya, melalui wilayah Islam di sebelah Barat utamanya di Andalus dan Sicilylah maka tradisi keilmuan tersebut tersebar dan mengalir ke seluruh benua Eropah.